



**FAKTOR DAN ELEMEN KEJAYAAN KOMERSIAL FILEM KOMEDI SERAM DI
MALAYSIA**

AMERA BINTI MOKHTAR

2010940633

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF

(FILEM) KEPUJIAN

FAKULTI FILEM, TEATER & ANIMASI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

JANUARI 2014

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SESI JANUARI 2014**

DENGAN INI MENGESAHKAN

**PELAJAR : AMERA BINTI MOKHTAR
NO MATRIK : 2010940633**

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN OLEH
JAWATANKUASA KHAS YANG DILANTIK OLEH FAKULTI FILEM, TEATER &
ANIMASI UTM SHAH ALAM**

DAN TELAH MENERIMA HASIL KERJA INI PADA

.....

DI HADAPAN :

**PENYELIA
MOHD SYUHAIIDI ABU BAKAR**

.....

TANDATANGAN

**DEKAN
PROF. MADYA A. RAZAK MOHAIDEEN**

.....

TANDATANGAN

PENGAKUAN

Saya Amera Binti Mokhtar dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya yang setiap satunya telah saya maklumkan sumbernya.

.....
AMERA BINTI MOKHTAR
2010940633Tarikh :

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum waramatullahiwabarakatuh.

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurniaNya diizinkan saya untuk menyiapkan satu tanggungjawab saya sebagai seorang pelajar di dalam tugas ilmiah ini.

Seuntai penghargaan daripada saya untuk Encik Mohd Syuhaidi bin Abu Bakar selaku penyelia yang tidak jemu-jemu dan bersemangat untuk membantu saya di dalam menyiapkan tugas ilmiah ini juga dengan kesungguhan beliau membimbing dan memberi semangat kepada saya ketika perbentangan kupasan mengenai topik tugas ini kepada panel. Tanpa tunjuk ajar dan juga desakan beliau selama menyelia tugas saya ini, tidak mungkin tugas ini dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan dengan isi kandungan yang baik menerusi kajian-kajian yang dilakukan secara terperinci. Tidak lupa juga buat kedua ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan kata-kata perangsang untuk saya tabah meneruskan kajian ini walaupun terdapat beberapa masalah yang melanda. Segala pengorbanan mereka sepanjang sesi pembelajaran saya sehingga ke coretan terakhir tugas ilmiah ini akan saya ingat selamanya.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih diucapkan kerana sanggup bersama-sama menempuhi segala dugaan dan cabaran untuk berjuang melengkapkan tugas ini. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas budi kalian. Sekian, terima kasih. Wassalam.

Amera Binti Mokhtar,

2010940633,

Fakulti Filem, Teater dan Animasi,

Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.

ABSTRAK

Kajian ilmiah ini dijalankan untuk mengenal pasti Faktor dan Elemen Kejayaan Komersial Filem Komedi Seram di Malaysia. Pemilihan tajuk ini berdasarkan kepada kebangkitan filem genre komedi seram yang dilihat mula melonjak naik dan sering menggemparkan sejarah filem Malaysia dengan pencapaian jumlah kutipan pecah panggungnya. Walaubagaimanapun kajian ini juga menganalisis dengan lebih lanjut mengenai faktor-faktor dan elemen-elemen kejayaan filem komedi seram sebagai medium hiburan kepada masyarakat di Malaysia. Seterusnya kajian ini menyenaraikan faktor dan elemen utama yang diperlukan di dalam sebuah filem bergenre komedi seram untuk menarik minat penonton. Persampelan Mudah (Convenience Sampling) digunakan dalam kajian berkaedah kualitatif ini. Penelitian terhadap kajian ini diteruskan dengan menggunakan teori *Uses And Gratification* dan hasil kajian menunjukkan bahawa faktor pengambilan dan pengalaman pelakon merupakan tunjang utama bagi tarikan masyarakat untuk menonton filem komedi seram di Malaysia. Manakala elemen kejayaan filem komedi seram dilihat banyak menerapkan elemen komedi slapstik dan parodi. Kajian ini menyimpulkan bahawa gabungan faktor dan elemen yang digarap secara kreatif dapat menarik perhatian masyarakat sekaligus mencapai kutipan yang memberangsangkan. Diharap dengan tugas berilmiah ini dapat dijadikan sebagai garis panduan dan tunjuk ajar kepada pengarah-pengarah di Malaysia untuk mengorak langkah dengan lebih kreatif dalam menghasilkan filem bergenre komedi seram.